

<input checked="" type="checkbox"/> Sinar Harian
<input type="checkbox"/> Sinar Ahad
Tarikh: 14/6/2011
Hari: PELASA MS: 412
Ruangan: KUBANG PASU

Dekati kehidupan masyarakat kampung

TUNJANG - Kehidupan masyarakat kampung yang masih mengamalkan cara hidup sederhana, kerjasama dan penuh nilai murni wajar didekati generasi muda bagi menyedarkan golongan itu yang kebanyakannya lahir dalam keluarga dari bandar.

Sejajar dengan itu, Majlis Belia Daerah Kubang Pasu dengan kerjasama Sekretariat Rakan Muda Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Persatuan Belia Kampung Pulau Timbul mengambil inisiatif menganjurkan satu program anak angkat di kampung terbabit.

Pengerusi Persatuan Belia Kampung Pulau Timbul, Saifulnizam Mahmud berkata, masyarakat kampung itu sentiasa mengalu-alukan kedatangan generasi muda bagi mendekati kehidupan masyarakat di situ yang masih mengamalkan konsep bekerjasama dan lain-lain.

"Dari sinilah mereka dapat memahami bagaimana kepayahan masyarakat kampung menjalani kehidupan biarpun dalam kesusahan namun tetap dapat mengharunginya dengan bantuan jiran yang lain.

"Saya harap anak angkat yang datang ke sini dapat mengambil

seberapa banyak ilmu untuk dijadikan pengalaman mereka pada masa hadapan," katanya.

Seramai 43 anak angkat menyertai program yang diadakan di kampung itu dan pelbagai acara termasuk gotong-royong, sukaneka, tarik tali dalam bendang dan motivasi untuk murid Sekolah Kebangsaan Hakim Teh turut diadakan.

Beliau berkata, program itu juga dapat membantu anak-anak desa yang memerlukan sokongan fizikal dan mental sebelum melangkah ke dunia luar melalui perkongsian pengalaman dan sebagainya.



Sebahagian daripada peserta yang menyertai acara tarik tali dalam bendang teruja dapat merasai kehidupan masyarakat kampung.